

01/02/2003

PM lancar biografi menteri wanita pertama Malaysia

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam melancarkan buku Tan

Sri Fatimah: Potret Seorang Pemimpin yang memaparkan biografi Tan Sri Fatimah Hashim, wanita pertama yang dilantik sebagai menteri di Malaysia,

iaitu pada zaman Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan buku berkenaan kepada wakil Sekolah Rendah Datin Fatimah, Kedah; Sekolah Agama

Tan Sri Abdul Kadir, Johor; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Perpustakaan Negara.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali

kemudian melawat pameran yang diberi judul "Tan Sri Fatimah - Serikandi Sumber Inspirasi", memaparkan koleksi gambar tokoh wanita itu.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; beberapa menteri Kabinet dan pemimpin veteran Umno sezaman Fatimah termasuk Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen, selain Ketua Pengarang Kumpulan

The New Straits Times Press (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad.

Fatimah yang kini berusia 79 tahun, turut hadir bersama anak dan cucunya

yang mengendalikan hampir keseluruhan majlis termasuk sebagai juruacara manakala anak lelaki sulungnya, Mohamed Shah Abdul Kadir yang juga Pengerusi Eksekutif dan Rakan Niaga McDonald's Malaysia, memberi ucapan aluan bagi pihak ibunya.

Anak keempat Fatimah, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) Datuk Ali Abdul Kadir juga hadir. Suami Fatimah adalah bekas Peguam Negara serta Menteri Undang-undang dan Pembangunan Negara, Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusoff.

Buku itu berharga RM49 senaskah dan hasil kutipan jualan disalurkan kepada Yayasan Kadir dan Fatimah, iaitu yayasan keluarga bertujuan membantu masyarakat serta golongan yang memerlukan pertolongan terutama dalam pendidikan.

Buku itu ditulis bekas profesor Pengajian Melayu di Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Nik Safiah Karim dan profesor Antropologi dan Sosiologi UM, Dr Rokiah Talib.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata penulisan buku biografi mengenai pejuang kemerdekaan negara amat penting untuk dijadikan garis panduan kepada generasi muda dalam mempelajari sejarah kemerdekaan negara.

Katanya, apa yang dilakukan pejuang kemerdekaan terutama ketika negara hendak mencapai kemerdekaan perlu direkodkan kerana ia menjadi panduan kepada generasi akan datang.

"Kita harus ingat apa yang berlaku pada hari ini akan menjadi satu sejarah pada masa akan datang. Tetapi ramai daripada kita yang menganggap apa yang berlaku pada hari ini tidak mempunyai apa-apa makna atau menjadi

suatu benda yang dihargai.

"Sebenarnya dalam sejarah sesuatu negara, apa yang dilakukan hari ini perlu dicatat dan direkodkan untuk masa depan kerana pada masa itu ramai yang berminat untuk mengetahui apa yang berlaku sebelum masa berkenaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menggalakkan penulisan buku berkenaan dan segala usaha yang dilakukan ke arah itu.

Mengimbau peranan Fatimah, beliau berkata Ketua Kaum Ibu Umno (dipanggil Wanita Umno pada 1972) itu memainkan peranan yang amat besar bersama Perdana Menteri Malaysia pertama Tunku Abdul Rahman dalam perjuangan parti dan kemerdekaan negara.

Katanya, pelantikan Fatimah sebagai menteri wanita pertama di Malaysia dengan memegang portfolio Menteri Kebajikan Am adalah tepat kerana negara perlu menggunakan tenaga dan kebolehan wanita, yang merangkumi 50 peratus penduduk negara ini.

Beliau berkata, kejayaan Fatimah dalam politik menyemarakkan semangat dan minat wanita Melayu untuk menyertai politik dan sehingga kini ia berkembang luas.